



27 Februari 2014  
27 February 2014  
P.U. (A) 57

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PENGECUALIAN) (PINDAAN) 2014

*PETROLEUM (INCOME TAX) (EXEMPTION)  
(AMENDMENT) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967**

**PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PENGECUALIAN) (PINDAAN) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 65C(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) (Pindaan) 2014.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 November 2010.

**Pindaan perenggan 6**

2. Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2013 [P.U. (A) 122/2013] dipinda dengan menggantikan subperenggan 6(2) dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pengeluaran terkumpul petroleum di suatu medan marginal bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai, dari tahun asas pertama petroleum dikeluarkan hingga ke tahun taksiran itu, adalah melebihi tiga puluh juta tong tangki stok minyak mentah atau melebihi lima ratus bilion kaki padu standard gas asli, pengecualian itu tidak terpakai bagi orang yang boleh dikenakan cukai itu berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu dan tahun-tahun taksiran berikutnya.”.